

PANDUAN RINGKAS UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN INSURANS MOTOR

TUNTUTAN KEROSAKAN SENDIRI

Tuntutan kerugian atau kerosakan pada kereta anda daripada syarikat insurans anda sendiri

(Rujuk halaman belakang untuk maklumat terperinci)

HANTAR KERETA ANDA KE BENGKEL PANEL

- Minta senarai bengkel panel daripada syarikat insurans anda
 - Bagi Tuntutan Kerosakan Sendiri, syarikat insurans anda akan melantik ajuster untuk menaksir kerosakan
- Sila beri kerjasama kepada ajuster



LANGKAH 5



LANGKAH 4

MAKLUMKAN KEPADA SYARIKAT INSURANS ANDA

- Maklumkan kepada syarikat insurans anda dalam tempoh tujuh hari dari tarikh kemalangan
- Kemukakan tuntutan anda secepat mungkin

BUAT LAPORAN POLIS

- Buat laporan polis dalam tempoh 24 jam di balai polis yang berhampiran
- Denda boleh dikenakan jika anda lambat membuat laporan



LANGKAH 3

BERTENANG JANGAN:

- Mengaku anda bersalah
- Bersetuju dengan apa-apa tawaran atau penyelesaian
- Tandatangan apa-apa dokumen

LANGKAH 1



DAPATKAN BANTUAN



Hubungi syarikat insurans anda atau talian khidmat pelanggan (24/7) 15-500 jika kereta anda mengalami kerosakan yang teruk dan memerlukan perkhidmatan trak tunda

HANYA BERURUSAN DENGAN PENGENDALI TRAK TUNDA YANG DIBENARKAN

Dapatkan nama dan nombor pendaftaran pengendali trak tunda yang dibenarkan daripada syarikat insurans anda atau Accident Assist dan tunggu sehingga mereka tiba

LANGKAH 2

KUMPULKAN BUKTI

- Catatkan lokasi dan masa kemalangan
- Ambil gambar kejadian kemalangan dan kerosakan pada kenderaan yang terlibat
- Bertukar maklumat dengan pihak lain yang terlibat:
 - Nombor lesen memandu
 - Nombor telefon untuk dihubungi dan alamat tempat tinggal
 - Model dan nombor pendaftaran kenderaan
 - Syarikat insurans

Pastikan keadaan adalah selamat sebelum anda keluar dari kereta

TUNTUTAN KEROSAKAN HARTA PIHAK KETIGA



Tuntutan terhadap syarikat insurans pihak lain jika kemalangan bukan berpunca daripada kesalahan anda

(Rujuk halaman belakang untuk maklumat terperinci)

PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF: CARA MEMBUAT TUNTUTAN DARIPADA SYARIKAT INSURANS SENDIRI



1. PERKARA YANG BOLEH DITUNTUT

- Jika kemalangan berpunca daripada kesalahan anda, buat tuntutan 'Kerosakan Sendiri'
- Jika kemalangan **BUKAN** berpunca daripada kesalahan anda, buat tuntutan 'Kerosakan Sendiri Knock-for-Knock' (bukan tuntutan pihak ketiga)

MANFAAT MEMBUAT TUNTUTAN 'KEROSAKAN SENDIRI KNOCK-FOR-KNOCK':

- Tuntutan diselesaikan dengan lebih cepat
- Anda tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (No Claim Discount, NCD)
- Anda boleh menuntut eksek* dan CART** daripada syarikat insurans pihak lain



2. CARA MEMBUAT TUNTUTAN

Kemukakan kepada syarikat insurans anda:

- Borang tuntutan yang lengkap
- Salinan asal laporan polis
- Salinan kad pengenalan dan lesen memandu (pemandu dan pemegang polisi)
- Salinan sijil pemilikan kenderaan
- Gambar kejadian kemalangan dan kerosakan pada kenderaan
- Dokumen polis yang menyatakan pihak yang dikompau bagi kesalahan jalan raya

PERLINDUNGAN PIHAK KETIGA: CARA MEMBUAT TUNTUTAN KEROSAKAN HARTA PIHAK KETIGA

1. PERKARA YANG BOLEH DITUNTUT

- Kerosakan pada kereta atau harta anda akibat kemalangan jalan raya yang berpunca daripada pihak lain
- Kerugian kewangan yang lain seperti CART**, eksek*

2. CARA MEMBUAT TUNTUTAN

- Hantar kereta anda ke bengkel panel syarikat insurans
- Lantik ajuster untuk menaksir kos kerosakan kereta anda
- Kemukakan kepada syarikat insurans pihak lain:
 - Salinan asal laporan polis
 - Salinan kad pengenalan dan lesen memandu (pemandu dan pemegang polisi)
 - Salinan sijil pemilikan kenderaan
 - Laporan ajuster
 - Bil kos pembaikan kereta anda
 - Gambar kejadian kemalangan dan kerosakan pada kenderaan
 - Dokumen polis yang menyatakan pihak yang dikompau bagi kesalahan jalan raya

Anda boleh
mendapatkan maklumat
syarikat insurans
pihak lain melalui
www.mycarinfo.com.my



Untuk maklumat lanjut, hubungi:

PIAM di 03-22747399 atau layari www.piam.org.my
MTA di 03-20318160 atau layari www.malaysiantakaful.com.my

Untuk aduan atau sebarang pertanyaan, hubungi syarikat insurans anda

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh syarikat insurans, anda boleh hubungi BNMTELELINK di 1300 88 5465 atau bnmtelexlink@bnm.gov.my

CARA MENGELAKKAN KEMUNGKINAN TUNTUTAN DITOLAK

- Maklumkan syarikat insurans anda dalam tempoh **tujuh hari** dari tarikh kemalangan
- Pastikan dokumen adalah lengkap
- Pastikan kenderaan persendirian tidak digunakan untuk sewa atau mengangkut barang bagi tujuan perniagaan

Panduan

MAKLUMAT PENTING

PAMPASAN UNTUK TEMPOH PEMBAIKAN YANG DIANGGARKAN (COMPENSATION FOR ASSESSED REPAIR TIME, CART)**

Amaun yang perlu dibayar oleh syarikat insurans pihak lain mengikut bilangan hari yang diperlukan untuk membaiki kereta anda seperti yang ditaksir oleh ajuster (bukan bilangan hari kereta anda berada di bengkel)

CART =

Kadar mengikut resit tambang teksi atau perjanjian sewa kereta atau skala CART yang ditetapkan

X

Bilangan hari untuk membaiki kereta

Sila simpan resit asal tambang teksi atau sewa kereta untuk membuat tuntutan CART

EKSES*

Amaun yang anda perlu bayar sama ada kemalangan berpunca daripada kesalahan anda atau tidak. Syarikat insurans akan membayar baki tuntutan yang selebihnya

PENAMBAHBAIKAN (BETTERMENT)

Terpakai pada kereta yang berusia 5 tahun dan ke atas:

- Apabila alat ganti lama digantikan dengan alat ganti asli yang baharu
- Anda perlu menanggung sebahagian daripada kos alat ganti asli yang baharu (bergantung pada usia kereta anda) kerana kereta anda adalah dalam keadaan yang lebih baik berbanding sebelum berlakunya kemalangan

JANGAN PANIK

PANDUAN MEMBUAT TUNTUTAN KEMALANGAN KENDERAAN BERMOTOR

Ikuti 3 Langkah Penting Ini:

- ✓ HUBUNGI syarikat insurans anda atau Pusat Panggilan *Accident Assist*
- ✓ KUMPULKAN bukti
- ✓ BUAT laporan polis



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

